KOMUNIS
MUSUH NEGARA
KEMENTERIAN
PENERANGAN
KOMUNIKASI
&KEBUDAYAAN
JABATAN
PENERANGAN
MALAYSIA

PENDAHULUAN

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan kenyataan daripada sesetengah pihak yang cuba untuk menonjolkan komunis sebagai wira negara. Kenyataan seperti itu adalah manifestasi kealpaan pihak terbabit terhadap sumbangan besar pemimpin Melayu terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Kita tidak harus menafikan sumbangan besar para perajurit dan leluhur terdahulu berjuang hingga ke titisan darah terakhir demi kemerdekaan serta keamanan negara dan mempertahankan maruah bangsa. Mereka bukan sahaja sanggup meredah hutan belantara memburu penceroboh durjana tanah air tercinta, malah sanggup bergadai nyawa meniup semangat kebencian terhadap penjajah dan komunis bagi memperjuangkan kemerdekaan negara.

Kita sedia maklum, komunis merupakan ancaman utama terhadap keselamatan negara pada suatu masa dahulu. Walaupun pergerakan komunis berjaya dilemahkan, namun mereka tetap berazam untuk bangkit kembali dan meneruskan perjuangan secara perang saraf di kalangan rakyat.

Betapa sengsara dan perihnya kehidupan rakyat sewaktu serangan komunis di Tanah Melayu. Keganasan komunis telah mencetuskan rusuhan, pembunuhan orang awam yang tidak berdosa dan perbalahan kaum sehingga tercetusnya darurat. Keadaan negara menjadi huru hara, kacau bilau dan pertumpahan darah berlaku di sana sini.

Namun, hasil pengorbanan dan kebijaksanaan para pemimpin, perajurit dan rakyat Tanah Melayu, ancaman komunis dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya berterima kasih di atas usaha kerajaan yang bertungkus-lumus dalam memastikan cengkaman komunis terlerai dan negara kembali aman seperti sedia kala.

PEMBERONTAKAN BERSENJATA
PARTI KOMUNIS MALAYA
(1948 - 1989)

Pasukan Tentera Revolusi MPAJA (Malayan People's Anti-Japanese Army) .

Perang Dunia Kedua dan Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah memberi peluang kepada Parti Komunis Malaya (PKM) untuk memperkuatkan organisasinya. PKM yang ditubuhkan pada 20 April 1930 telah bekerjasama dengan British untuk menentang Jepun melalui Tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu (MPAJA) berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada 8 Disember 1940.

Menerusi MPAJA, PKM memperolehi bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik, dan perubatan diperoleh daripada British. Dalam tempoh tiga tahun, MPAJA dianggarkan mempunyai 7,000 anggota.

Selepas Jepun menyerah kalah pada 12 September 1945, PKM telah mengambil kesempatan untuk berkuasa menerusi gerila-gerila MPAJA. Beberapa siri keganasan dan rusuhan serta pergaduhan antara kaum telah berlaku, terutama di bahagian Selatan Tanah Melayu. Akibatnya, orang Melayu bertindak balas terhadap kekejaman anggota komunis Bintang Tiga.

Rashid Maidin dan pasukan penggempurnya.

Pasukan Penggempur Rejimen ke-10 Tentera Pembebasan Nasional Malaya.

BINTANG TIGA GAGAL MENGEMBANGKAN PENGARUH

Kembalinya British dengan Pentadbiran Tentera British (PTB) dalam tempoh yang singkat menyebabkan komunis Bintang Tiga tidak berjaya mengembangkan pengaruh mereka. Akibat kegagalan Bintang Tiga merampas Tanah Melayu melalui gerakan bersenjata, ia telah membawa kepada persetujuan pembubaran tentera MPAJA dan peletakan senjata di samping pembayaran sagu hati kepada gerila-gerila terbabit.

Terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948 merupakan tamparan hebat bagi kepada PKM kerana golongan ini diketepikan oleh British. Berikutan itu, PKM menukar strategi dan mula mencetuskan keganasan melalui mogok dan rusuhan. British bertindak balas dengan mengharamkan pemimpin politik daripada mengetuai kesatuan sekerja. Ini melemahkan kedudukan komunis Bintang Tiga.

Ini mendorong Bintang Tiga melakukan beberapa siri serangan. Bagaimanapun, insiden pada 16 Jun 1948 iaitu pembunuhan tiga orang pengurus estet berbangsa Eropah di Sungai Siput, Perak telah membawa kepada pengisytiharan Darurat oleh Persuruh Jaya Tinggi British di Tanah Melayu, Sir Edward Gent. Apabila keadaan bertambah teruk pada 12 Julai 1948, Darurat diisytiharkan di seluruh negara. PKM telah diharamkan pada 23 Julai 1948. Seluruh angkatan bersenjata telah digerakkan termasuk Pasukan Senoi Praaq bagi menentang komunis.

RUNDINGAN BALING

Akibat kesukaran dan kekurangan sokongan daripada masyarakat, pemimpin PKM, Chin Peng telah meminta rundingan diadakan pada tahun 1955. Rundingan Baling ini diadakan pada 28 – 29 Disember 1955. Dalam rundingan itu, kerajaan telah menawarkan pengampunan dengan syarat PKM dibubarkan, tetapi Chin Peng berkeras agar PKM dibenarkan untuk bergerak sebagai sebuah parti politik. Usul tersebut ditolak oleh Kerajaan. Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj kemudiannya menegaskan kepada rakyat bahawa PKM bertindak menentang kerajaan yang dipilih rakyat.

Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra tiba untuk mengadakan rundingan dengan Chin Peng di Baling pada 28 Disember 1955.

TANAH MELAYU CAPAI KEMERDEKAAN

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra di majlis menandatangani Surat Pengisytiharan Penamatan Darurat di Kuala Lumpur, 29 Julai 1960.

Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 ketika Darurat masih lagi berkuat kuasa. Pada 31 Julai 1960, Darurat ditamatkan setelah ancaman komunis semakin berkurangan dan pengunduran mereka ke sempadan Tanah Melayu dan Thailand.

Selepas sekian lama dan atas kesedaran pucuk pimpinan PKM, maka pada 2 Disember 1989, Perjanjian Damai (Perjanjian Haadyai) telah ditandatangani antara Parti Komunis Malaya dengan Kerajaan Malaysia dan Thailand. Perjanjian bersejarah itu telah menamatkan pemberontakan bersenjata PKM selama 41 tahun dan anggotanya kembali menumpahkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong dan patuh kepada Perlembagaan dan undang-undang negara.

GAMBAR-GAMBAR SEWAKTU DARURAT

Kelihatan Chin Peng dan Rashid Maidin menaiki trak Polis meninggalkan tempat rundingan. Rundingan Damai Baling merupakan perundingan di antara Kerajaan Persekutuan Melayu dengan Parti Komunis Malaya (PKM).

Keretapi merupakan pengangkutan penting dalam proses pemindahan penduduk ke kampung baru sewaktu darurat.

Papan notis di sempadan ‘Kawasan Putih’ di Melaka.

Rakyat pelbagai kaum mengadakan tunjuk perasaan menentang komunis.

Perarakkan Kemerdekaan diketuai oleh Tunku membawa sepanduk meminta Chin Peng menunaikan janji untuk meletakkan senjata kerana Malaya sudah Merdeka.

KENAPA IDEOLOGI KOMUNISME PERLU DITOLAK?

- Menggunakan kekerasan
- Zalim
- Memperjuangkan pemimpin tanpa mengambil kira kepentingan rakyat

BENTUK KEGANASAN

- Membunuh
- Membakar bas
- Membakar kilang
- Melakukan serang hendap terhadap penduduk kampung
- Merosakkan harta awam
- Menjadikan jalan sungai dan darat sering tidak selamat
- Merosakkan landasan kereta api
- Menyerang balai polis

Serangan dan kebakaran yang dilakukan oleh 80 orang pengganas di Pekan Simpang Tiga, Setiawan, Perak menyebabkan 1,000 orang kehilangan tempat tinggal pada 17 Mei 1958.

KESUSAHAN DAN TEKANAN

- Kekurangan makanan
- Rakyat hanya makan keledek, ubi kayu, pisang bakar, betik dan rebung
- Kebebasan pergerakan terbatas
- Ekonomi penduduk kampung tergugat
- Bekalan makanan terpaksa dicatu
- Perintah berkurung dikenakan
- Hidup dalam ketakutan dan cemas
- Ancaman musuh dalam selimut/tali barut komunis

ORANG MELAYU MENOLAK KOMUNISME KERANA:

- Bertentangan dengan agama Islam
- Menolak kewujudan Tuhan
- Kejam

SEBARAN IDEOLOGI KOMUNIS DIBUAT:

- Penerbitan
- Kelas malam
- Persatuan
- Kesatuan sekerja
- Parti Komunis Indonesia

AKIBATNYA:

Jumlah terkorban

- 21231 orang awam dan tentera
- 6133 pengganas

PENGORBANAN

Penubuhan HomeGuard (Pasukan kawalan semasa Darurat terdiri daripada lelaki dan wanita untuk menentang komunis) terpaksa ditubuhkan.

- Tidak mendapat ganjaran
- Keluarga ditinggalkan demi perjuangan melawan komunis
- Perjuangan ikhlas demi keamanan

SATRIA PEMBELA NUSA

Dalam menyingkap tirai kemerdekaan, kita tidak dapat lari daripada memperingati jasa-jasa pejuang terdahulu yang bermati-matian membebaskan negara daripada cengkaman penjajah dan komunis.

Pejuang-pejuang ini mungkin tidak pernah dikenali oleh generasi baru yang lahir selepas merdeka, namun mereka berjuang mempertahankan tanah air dengan penuh keikhlasan.

Sabar dan tabah dalam menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran, disulami dengan semangat dan azam penuh membara demi memartabatkan tanah air tercinta, telah menyemarakkan iltizam hingga usaha mereka berjaya untuk melihat negara merdeka dan bebas dari cengkaman komunis.

Betapa beruntungnya generasi hari ini yang tidak perlu lagi hidup dalam kemelaratan malah menghirup kesejahteraan hasil dari titik peluh dan darah para pejuang ini.

Mengimbas semula detik perjuangan, beberapa orang yang boleh dianggap wira ditemu ramah dalam merintis perjuangan mereka menghadapi cengkaman komunis. Sumbangan tenaga dan keringat demi sebuah kemerdekaan ini harus diambil ikhtibar dan pedoman agar kita semua mensyukuri nikmat kemerdekaan tanah air tercinta ini.

SAYA SANGGUP MENGGADAI NYAWA

Marminaton Binti Marsaid
Kampung Sawah, Port Dickson, Negeri Sembilan

Setiap kali mendengar perkataan "komunis", peristiwa seorang penduduk sekampung yang hampir melayang nyawanya akibat ditetak pengganas komunis, pasti terbayang semula di ingatan nenek berusia lebih 100 tahun ini Peristiwa ngeri itu berlaku pada tahun 1953 di Kampung Sawah, Port Dickson Negeri Sembilan ketika dia dan suami berada di rumah bersama tiga orang anak mereka. Dalam asyik melayan kerenak anak-anak, tiba-tiba mereka terdengar suara orang menjerit meminta tolong dan tanpa berfikir panjang, suaminya, Selamat Bin Selamat, seorang anggota HomeGuard, meluru ke tanah bersama senapang patahnya untuk melihat apa sebenarnya yang terjadi.

Orang yang mengagung-agungkan kekejaman tidak ada bezanya dengan mereka yang melakukan kekejaman.

Alangkah terkejutnya Selamat apabila melihat seorang anggota tentera bernama Sukiman yang tidak bertugas ketika itu, berlari ketakutan kerana dikejar seorang penggans komunis bersenjatakan parang di belakang rumah Marminatun, yang ketika itu dipenuhi belantara. Melihat kejadian tersebut, dia terus melepaskan tembakan ke udara untuk menakutkan pengganas komunis berkenaan. Mendengar bunyi tembakan itu, Marminatun segera turun dari rumah sambil mengendong anaknya untuk mengetahui nasib suaminya. Oleh kerana tidak memiliki senjata api, pengganas komunis yang mendengar bunyi tembakan tersebut tergamam dan tidak berani melawan. Kesempatan itu diambil oleh Marminatun untuk mengikat tangan pengganas komunis tersebut dengan kain batik yang digunakan untuk mengendong anaknya. Petualang rakyat dan negara itu kemudian diserahkan kepada tentera British.

Berikutan kejadian itu, tentera British berkampung di belakang rumah Selamat selama enam bulan untuk melindungi keluarga berkenaan daripada tindakan membalas dendam oleh Parti Komunis Malaya (PKM).

Menggadai nyawa

Marminatun berkata, selain peristiwa penangkapan pengganas komunis tersebut, dia juga menyaksikan dengan mata kepala sendiri kekejaman anggota PKM menembak mati seorang anggota polis berbangsa India. Pada mulanya, wanita bersemangat waja ini menyangka lelaki yang diheret oleh seorang pengganas komunis di kampung mereka adalah adik lelakinya. Walaupun menyedari bahaya yang mungkin dihadapinya, tetapi demi perasaan kasih sayang terhadap seorang adik, wanita ini memberanikan diri untuk mengekori anggota PKM berkenaan. Tiba di sebuah balai raya, Mariminatun menarik

nafas lega apabila mendapati lelaki yang menjadi tawanan anggota PKM itu bukan adiknya. Bagaimanapun, dia amat sedih dan tidak dapat melupakan hingga kini tindakan kejam pengganas itu menembak kepala anggota polis berkenaan. Akibatnya, tamatlah riwayat anggota polis yang begitu banyak berjasa dalam menjaga ketenteraman dan keselamatan orang ramai.

Commendation by
His Excellency
The High Commissioner
General Sir Gerald Templer

Demikianlah secebis daripada begitu banyak kekejaman lain yang dilakukan komunis terhadap rakyat negara ini bagi memenuhi cita-cita mereka untuk berkuasa. Mereka tidak mengenal erti belas kasihan atau mempedulikan kesejahteraan rakyat, asalkan mereka dapat memerintah negara ini. Oleh itu, jika ada pihak yang cuba mengagung-agungkan perjuangan komunis, maka jernihkan semula fikiran masing-masing dan renungkanlah segala kekejaman yang telah dilakukan PKM dan sekutunya terhadap anak kecil, wanita dan warga tua di negara tercinta ini suatu ketika dulu. Orang yang mengagung-agungkan kekejaman tidak ada bezanya dengan mereka yang melakukan kekejaman.

PERIT JERIH DI ZAMAN KOMUNIS

Haji Mohd Tap Bin Yakim
Johor Darul Takzim

Warga emas yang diilahirkan pada tahun 1923 di Kampung Liang Batu, Muar Johor ini tidak dapat melupakan hingga bila-bila keperitan hidup yang dialaminya pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Ketika berusia 21 tahun, bapa kepada 11 anak hasil perkongsian hidupnya dengan dua orang isteri ini, bertugas sebagai anggota AP sebelum menyertai pasukan HomeGuard untuk mengawal kampung halamannya daripada ancaman musuh. Menurut Mohd Tap, ketika itu rakyat negara ini menjalani kehidupan yang penuh mencabar dan terpaksa menanggung pelbagai keperitan. Sesiapa yang menentang pentadbiran Jepun pasti dihukum tanpa sebarang rasa belas kasihan. Dia dan adik beradiknya pernah melarikan diri ke hutan untuk mengelak daripada menjadi mangsa kekejaman tentera Jepun.

Apabila Jepun menyerah kalah kepada Tentera Berikat pada 2 September 1945, penduduk Tanah Melayu berasa amat lega kerana menyangka berakhirlah sudah detik-detik keperitan yang merpaksa mereka lalui akibat kekejaman tentera Negara Matahari Terbit itu. Bagaimanapun, harapan mereka meleset kerana apabila Jepun menyerah kalah, muncul pula Parti Komunis Malaya (PKM) yang mengintai peluang untuk memerintah Tanah Melayu. Walaupun PKM mendakwa mereka berjuang untuk membebaskan negara ini daripada belenggu penjajahan, namun tindakan mereka terhadap rakyat tiada bezanya dengan penjajah, malah dalam sesetengah keadaan, lebih kejam daripada Jepun dan Inggeris.

Komunis tidak berperikemanusiaan

Oleh kerana tidak tahan dengan gelagat dan kekejaman PKM, penduduk Tanah Melayu bangun beramai-ramai untuk menentang mereka. Akhirnya, dengan berkat semangat tidak rela menjadi mangsa kekejaman PKM, rakyat Tanah Melayu berjaya melindungi diri mereka daripada gerombolan yang tidak berperikemanusiaan itu. Mohd Tap berkata dia turut terlibat dalam perjuangan menumpaskan PKM.

Peristiwa bermula apabila ketua HomeGuard bernama Abd Hamid Mohd Dom, 78, dituduh memberi bantuan beras kepada komunis. Abd Hamid berkata pada mulanya dia dilantik mengetuai pasukan itu yang mempunyai 12 anggota, termasuk Mohd Tap. Bagaimanapun, Abdul Hamid bernasib malang apabila dituduh membekalkan beras kepada komunis semata-mata kerana dia memiliki lesen untuk menjual bahan itu.

Apa sebenarnya yang berlaku ialah oleh kerana tidak mempunyai kedai, Abdul Hamid terpaksa menyimpan bekalan berasnya di sebuah kedai runcit milik seorang pekedai berbangsa Cina bernama Ah Soon. Oleh kerana terlalu marah dituduh menjadi penyokong komunis, pada suatu malam, peniaga beras ini meletakkan guni berisi kulit bawang bercampur cili kering di kedai itu. Keesokan harinya, ketua HomeGuard ini mendapati kulit bawang dan cili kering tersebut berselerak di sekitar kedai berkenaan. Ini membuatnya mengesyaki ada yang tidak kena dengan beras yang disimpannya di situ selama ini.

"Komunis datang. Kami terus tembak. Tembakan pertama tak kena. Komunis lari. Saya terus beri arahan. Kepung, kepung, kita kepung!"

“Selidik punya selidik, pemilik kedai itu sebenarnya tali barut komunis. Selama ini dialah yang memberi bekalan beras kepada komunis. Patutlah saya dan orang Kampung Liang Batu dituduh memihak kepada komunis.

“Jadi, saya telah buat laporan kepada pegawai polis dan meminta untuk melakukan serangan terhadap komunis. Persetujuan diterima, kemudian saya bersama 12 orang anak buah terus mengatur strategi.

“Kampung Liang Batu ni, pada awalnya dikepung dengan pagar. Kemudian, pada satu malam selepas solat isyak di masjid, kami ternampak cahaya lampu bergerak menuju ke belakang kedai runcit. Ketika itu kami terus mengatur strategi, Hj Mohd Tap bersama beberapa yang lain jaga di luar pagar dan selebihnya berkawal dalam kawasan pagar.

“Selidik punya selidik, pemilik kedai itu sebenarnya tali barut komunis. Selama ini dialah yang memberi bekalan beras kepada komunis. Patutlah saya dan orang Kampung Liang Batu dituduh memihak kepada komunis.

“Jadi, saya telah buat laporan kepada pegawai polis dan meminta untuk melakukan serangan terhadap komunis. Persetujuan diterima, kemudian saya bersama 12 orang anak buah terus mengatur strategi.

“Kampung Liang Batu ni, pada awalnya dikepung dengan pagar. Kemudian, pada satu malam selepas solat isyak di masjid, kami ternampak cahaya lampu bergerak menuju ke belakang kedai runcit. Ketika itu kami terus mengatur strategi, Hj Mohd Tap bersama beberapa yang lain jaga di luar pagar dan selebihnya berkawal dalam kawasan pagar.

“Lebih kurang pukul 11 malam, bulan terang. Kami terdengar ketukan yang kuat. Komunis ketuk pintu kedai,” kata Abdul Hamid. Abd Hamid.

Mohd Tap pula menyambung cerita Abdul Hamid dengan berkata:

“Komunis datang. Kami terus tembak. Tembakan pertama tak kena. Komunis lari. Saya terus beri arahan. Kepung, kepung, kita kepung!”

“Selepas kami kepung, tembak menembak berlaku. Pada masa tu, hanya Allah saja yang tahu. Kami sekampung seperti ada keberanian luar biasa. Tembakan saya mengena. Seorang lagi kawan saya juga berjaya tembak komunis.

“Saya lihat mayat komunis tertiarap di bumi. Masa tu semangat kami bertambah. Saya tembak lagi dan kena lagi seorang. Kuasa tuhan, pada masa itu tiada satu das tembakan komunis pun mengena pada saya dan penduduk kampung,” kata warga emas ini yang begitu bersemangat menceritakan tentang pengalamannya itu.

Mohd Tab berkata berkat kesepakatan penduduk dan pertolongan Allah, setiap kali komunis hendak menembak orang kampung, senapang mereka tidak meletup.

“Itulah kebesaran Allah. Komunis akhirnya menyerah kalah dan berundur ke hutan,” katanya.

PERJUANGAN TIDAK PERNAH LUNTUR

Che Minar Binti Pahang
Kuala Krai Kelantan

Che Minar binti Pahang atau dilebihkan sebagai Mak Tengah, dilahirkan pada 30 Disember 1921 di Kampung Manjor, Kelantan. Ketika berusia 17 tahun, dia menyertai pasukan HomeGuard (HG) untuk mengawal keamanan dan keselamatan di kampungnya. Selepas menjalani latihan menembak selama tiga hari di Kem Gong Kedak, Pasir Puteh, Kelantan, wanita ini kembali ke Kampung Manjor dengan semangat yang berkobar-kobar untuk menentang pengganas komunis. Che Minar berkhidmat dalam HomeGuard selama lapan tahun secara sukarela.

Wanita bersemangat waja ini dan rakan-rakannya merupakan serikandi Kampung Manjor, Kuala Krai yang bangkit mempertahankan negara daripada komunis ketika Darurat pada tahun 1948. Tujuan komunis memasuki kampung ini adalah untuk menaklukinya dan memonopoli hasil pertanian orang kampung, termasuk padi.

Pasukan wanita pengawal kampung menjalani latihan.

Mengimbau sejarah perjuangan Che Minar, pada peringkat awal penyertaannya dalam HomeGuard, wanita ini ditugaskan mengawal kampung ketika kaum lelaki menunaikan solat Jumaat dan solat berjemaah Maghrib dan Isyak. Tujuannya ialah untuk mengelak pengganas mengancam penduduk kampung. Selepas itu, khidmat Che Minar dan rakan-rakannya terus diperlukan untuk mengawal keselamatan kampung bersama kaum lelaki.

Srikandi Pelindung Desa

Tugas HomeGuard ini dilakukan secara bergilir-gilir melibatkan 12 orang. Wanita mengandung juga turut terlibat dalam menentang ancaman komunis ini. Sewaktu kaum lelaki solat berjemaah, komunis dari Manik Urai Kuala Krai telah menyusup ke Kampung Manjor untuk menguasai kampung tersebut. Bagaimanapun, niat jahat musuh rakyat itu berjaya dipatahkan oleh Che Minar dan rakan sepasukannya. Komunis mengalah kerana mereka gerun melihat wanita yang sarat mengandung pun sanggup mengawal keselamatan kampung.

Menurut Che Minar, pengganas komunis cuba merobohkan jambatan Manik Urai agar tentera tidak boleh masuk untuk menghulurkan bantuan termasuk makanan kepada penduduk kampung. Jalan kereta api dan sungai merupakan kaedah perhubungan alternatif pada masa itu. Apabila jambatan Manik Urai roboh akibat perbuatan khianat komunis, sumber makanan menjadi terhad, penduduk kampung terpaksa bergantung pada pisang bakar, ubi kayu, betik, rebung supaya tidak kebuluran. Walaupun dalam keadaan kelaparan, penduduk kampung tetap meneruskan perjuangan.

Semasa berkhidmat dalam HomeGuard Che Minar telah beberapa kali bertempur dengan komunis. Ketika Kampung Manjor diserang hendap oleh segerombolan komunis, beliau dan rakan-rakan membalas serangan itu. Dalam pertempuran itu, menyedari keberanian dan semangat juang yang tinggi pasukan HomeGuard wanita ini, pengganas komunis terus dan melarikan diri.

"Takut komunis Bintang Tiga masuk ambil anak-anak dan adik beradik untuk disembelih".

Beliau juga pernah menembak seorang wanita Orang Asli yang menjadi tali barut Komunis. Orang Asli diupah oleh komunis untuk memotong dawai yang mengelilingi kampung Manjor agar mereka boleh menceroboh untuk merampas harta dan hasil pertanian serta menganggu keselamatan kampung. Disebabkan keadaan dawai yang terlalu tegang, bunyi dihasilkan oleh dawai itu apabila dipotong memberi isyarat kepada Che Minar dan rakan-rakannya bahawa pengganas berada berhampiran kawasan kawalan dan terus menggagalkan niat musuh masyarakat itu.

Tubuh dilapah komunis

Dalam satu kejadian, rakan Che Minar bernama Bidah diculik oleh komunis kerana tidak mahu bekerjasama dan memberi maklumat kepada ejen komunis. Bidah diikat pada pokok dan tubuhnya dilapah dan dihiris seperti daging lembu secara hidup-hidup. Kemudian dagingnya tersebut digoreng dan dimakan beramai-ramai hingga tinggal tulang.

Ditanya kenapa belliau sanggup memikul senjata untuk menngawal kampung, sedangkan beliau seorang wanita, Che Minar menjawab, "Takut komunis Bintang Tiga masuk ambil anak-anak dan adik beradik untuk disembelih". Betapa tingginya semangat juang yang mengalir dalam diri wanita ini dan rakan-rakannya yang sanggup mengenepikan kepentingan peribadi demi menjaga keselamatan kampung.

Pengorbanan dan keberanian Che Minar bt Pahang ini mendapat penghargaan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kelantan. Beliau diiktiraf sebagai pejuang negara. Kenangan paling manis yang masih terpahat dalam ingatanya ialah apabila gambar beliau dan rakan-rakannya bersama Sir Gerald Templer yang dirakam pada 1948 dipaparkan sebagai khazanah sejarah negara diruang legar Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

BIAR PUTIH TULANG JANGAN PUTIH MATA

Tuan Haji Alias Bujal
Johor Darul Takzim

Biarpun perjuangan 50 tahun lepas dipenuhi detik hitam, tetapi apabila negara telah mengecap kemanisan kemerdekaan, kita tidak wajar melupakan mereka yang bertungkus-lumus di sebalik kejayaan itu.

Mereka yang berjuang demi negara tidak pernah kesal. Bagi mereka, berjuang untuk negara merupakan harga kemerdekaan yang terlalu mahal dan tidak dapat dinilai dengan wang ringgit dan harta benda.

Begitu luahan Tuan Haji Alias Bujal yang kini menginjak usia 91 tahun. Beliau sangat terkenal di Kampung Tenang, Segamat, Johor. Beliau lebih disenangi dengan panggilan Tok Lias oleh penduduk kampung.

Bertindak sebagai HomeGuard, beliau sentiasa memastikan keadaan kampungnya tenang, aman dan damai tanpa sebaran kecaman.

Dilantik sebagai HomeGuard sekitar tahun 1948 oleh HomeGuard National Service Johor sebagai sukarelawan menjaga keamanan kampung. Beliau banyak berjasa kepada kerajaan Malaysia ketika itu sehingga dianugerahkan P.I.S. oleh Sultan Johor dan P.P.N oleh Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1978.

Beliau juga mendapat jemputan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad (Perdana Menteri ketika itu) di Majlis Wira Negara sekitar tahun 1987 dan dianugerahkan sijil kepujian daripada Jabatan Perkhidmatan HomeGuard National Service kerana memberi kerjasama membanteras pihak komunis dan Jepun.

Bertindak sebagai Home Guard, beliau sentiasa memastikan keadaan kampungnya tenang, aman dan damai tanpa sebaran kecaman. Namun, sekitar tahun 1953 ketika negara bergolak, setiap inci kampungnya juga menerima ancaman dan ugutan. Penduduk Kampung Tenang dituduh bersubahat dengan pihak komunis. Dakwaan itu boleh menyebabkan kampung halamannya tergadai.

Pantang Undur Menyerah Kalah

Semangat perjuangan beliau yang mempertahankan Kampung Tenang daripada dipulau dan dipindahkan ke sebuah perkampungan terasing menjadi sebab utama mengapa beliau seperti tidak memikirkan langsung ajal dan maut.

Pantangnya ketika itu apabila difitnah. Beliau bersama penduduk kampung bangkit mempertahankan kampung halaman mereka menentang komunis habis-habisan. Dek kerana sayangkan keharmonian kampungnya, beliau yang dilantik menjadi ketua bertindak nekad menyerang komunis.

“Langkah diatur seperti hero. Menggadai nyawa, pantang undur menyerah kalah, biar putih tulang jangan putih mata, menghadapi serangan pengganas komunis yang zalim dan kejam,” tutur katanya terketar-ketar seakan sedih mengenangkan keadaan ketika itu.

Menurutnya, kira-kira jam 6 petang hari Jumaat sekitar tahun 1953, beliau mengarahkan anak saudaranya menyerang hendap komunis yang sedang berkeliaran mencari makanan di sekitar Kampung Tenang. Tanpa berfikir panjang anak saudaranya, Hamid, 79 tahun, mencapai senapang dan kemudiannya mengajak lima orang rakannya yang lain menyerang komunis.

Mereka kemudiannya bergegas bersama Tok Lias pergi ke tempat di mana komunis sedang mencari makanan di dusun orang kampung. Sampai di tempat kejadian, senapang diacu lalu peluru dilepaskan. Tembakan pertama mengena sasaran. Seorang daripada komunis rebah ke bumi.

Balai Polis Malaya pada tahun 1950.

Serangan tembak-menembak serta dentuman berdas-das semakin menjadi-jadi. Pihak komunis yang geram dengan serangan tersebut terus melepaskan tembakan dan hampir mengenai tubuh Tok Lias.

Hamid tanpa berfikir panjang membalas tembakan tersebut dan akhirnya seorang lagi komunis mati terkena tembakan Hamid. Melihat kematian dua orang komunis bertubi-tubi, anggota komunis yang lain lari lintang pukang memasuki hutan berhampiran kerana yakin tidak mampu melawan serangan Tok Lias dan Pak Hamid serta rakan-rakan mereka.

Melihatkan sikap pengecut pihak komunis itu, Tok Lias bertindak mengambil mayat dua komunis dan mengandarnya kepada pihak yang telah mendakwa penduduk Kampung Tenang memihak kepada komunis.

Perjuangan mati-matian menyelamatkan kampung halaman akhirnya berhasil dan pihak yang membuat dakwaan palsu akhirnya akur dan menghargai semangat patriotisme mereka.

Pertahankan Kemerdekaan Tanah Air

Menurut Hamid, ketika itu perit perasaannya dituduh bersekongkol dengan komunis. Sementelah lagi, mereka akan dipindahkan ke perkampungan terasing jika benar penduduk Kampung Tenang bersubahat.

"Itulah perjuangan kami sekampung," ujar Hamid sambil melemparkan senyuman penuh berkamka kepada Tuan Haji.

Mereka berdua sempat berpesan agar generasi sekarang haruslah sentiasa mempertahankan kemerdekaan yang dikecapi hari ini agar tidak dipersalahkan di kemudian hari.

"Anak-anak muda perlu pikul tanggungjawab mempertahankan kemerdekaan, jangan sampai dipersalahkan oleh anak cicit kerana menggadai tanah dan maruah negara. Kenanglah kembali perjuangan orang lama menuntut kemerdekaan. Walaupun kami hanya pejuang kecil di Kampung Tenang, tetapi keperitannya tetap dirasai. Inikan pula mereka yang memperjuangkan kemerdekaan buat negara," katanya menutup bicara.

Pengawal keselamatan Malaya sedang berkawal.

BANGUNNYA UNTUK BERJUANG

Aris Darius (Wa Leh)
Perlis Indera Kayangan

Sikapnya gemar berjenaka, ada sahaja sisipan lelucon sepanjang bicara kami bersamanya. Namun, di sebalik senyum tawanya bergenang juga mata Wa Leh ketika mengimbau saat dua rakannya, Majid dan Azis yang meninggal dunia diserang hendap tentera komunis.

Wa leh, 81 tahun, berasal dari Kuala Perlis, Perlis sayu tatkala penulis mengajukan soalan perjuangannya melawan komunis.

Peristiwa pertama berlaku di Padang Tunku apabila pasukan Askar Melayu tidak dapat menyerang balas kerana serangan berlaku terlalu cepat dan bertubi-tubi.

Bertugas sebagai Prebet 2513, Wa Leh memulakan kerjaya di dalam Batalion II, Askar Melayu Diraja pada 22 Disember 1946. Semasa bertugas di ibu pejabat Kem Kuala Lipis, beliau bersama-sama Askar Melayu dari Batalion ke II menjalankan operasi sekitar Kuala Lipis-Dabong-Gua Musang, menghantar bekalan kepada pasukan Askar Melayu di dalam hutan serta menjalankan rondaan sekitar kawasan tersebut. Di sinilah pasukannya diserang hendap sebanyak dua kali oleh pihak komunis.

Peristiwa pertama berlaku di Padang Tunku apabila pasukan Askar Melayu tidak dapat menyerang balas kerana serangan berlaku terlalu cepat dan bertubi-tubi. Serangan komunis ini telah menyebabkan tiga orang Askar Melayu ditembak mati termasuk seorang Mejar berbangsa British dan beberapa orang lagi tercedera.

Bangkit mahu menebus kekalahan peristiwa itu, pada tahun 1949 Wa Leh ditukarkan ke Bukit Telaga, Pahang. Semasa di salah satu operasi, dendam terbalas apabila Wa Leh berjaya menembak mati seorang komunis.

Atas kejayaannya itu, Wa Leh telah dinaikkan pangkat ke Lans Koperal, RP (Regimental Police) dan ditugaskan di Butterworth, Pulau Pinang.

Wa Leh mengakhiri bicara pada pagi itu dengan merungkai perjuangan leluhur terdahulu dalam mendapatkan kemerdekaan negara. “ Walau macam mana penderitaan yang kami tanggung, nak merdeka bukan perkara mudah, nak merdeka kita perlukan keamanan. Dulunya kita nak merdeka hanya setelah dunia aman. Kalau negeri kita dalam keadaan kucar kacir, kita tak dapat pun mempertahankan keselamatan. Yang paling penting kita mahu selamat, selagi ada manusia dan haiwan, tiada siapa yang tidak mahu selamat..”

BERJUANG HINGGA KE TITISAN DARAH TERAKHIR

Othman Mohd Shah
Terengganu Darul Iman

kampung Beris Meraga, Terengganu. Biarpun usianya menjengah 91 tahun, beliau mempunyai semangat juang dan patriotik yang tinggi dalam memperjuangkan keamanan tanah air.

Beliau telah menyertai pasukan Jungle Squad (yang kini dikenali sebagai Polis Hutan) sebagai konstabel pada tahun 1951. Dalam menjalani tugas yang mencabar untuk memburu komunis Tok Man berdepan dengan pelbagai insiden yang menyayat hati dan mengerikan.

Kawasan yang di penuhi aktiviti komunis atau lebih dikenali sebagai 'Black Area', Negeri Sembilan, Segamat, Yong peng, Johore, keseluruhan Pahang dan Perak.

Kumpulan mereka hanya bersenjatakan parang panjang dan amalan Ayat Empat.

Masih segar dalam ingatan pertempuran komunis di Bukit Sepam. Seramai lima orang polis terbunuh dan beliau telah memberanikan diri berusaha keras membantu menyelamatkan mangsa yang tercedera.

Beliau telah berjaya mengesan tempat persembunyian komunis di Tanjung Pengelih, Johor dan berlaku kejadian tembak menembak di antara pasukannya dengan pihak komunis. Tidak gentar dengan tembakan, beliau bertubi-tubi membalas tembakan dan pasukannya berjaya membunuh tiga orang komunis.

Orang Kanan Kiai Salleh (Panglima Salleh)

Tok Man juga terkenal selaku orang kanan Haji Salleh Abdul Karim atau lebih dikenali, Panglima Salleh. Sewaktu komunis berleluasa menguasai kawasan mereka di batu Pahat Johor, mereka yang tidak mempunyai kelengkapan senjata api untuk mempertahankan diri telah memilih Kiai Salleh untuk memimpin pakatan bagi mempertahankan diri dari kekejaman askar Bintang Tiga tersebut.

Kumpulan mereka hanya bersenjatakan parang panjang dan amalan Ayat Empat. Tok Man telah dilantik untuk memimpin masyarakat Batu Pahat untuk menggempur kubu-kubu askar bintang tiga di sekitar Batu Pahat.

Gagalnya Rundingan Baling 1955 dan tekanan daripada kejayaan operasi bersenjata pasukan keselamatan Persekutuan Tanah Melayu yang dibantu tentera British dan negara-negara Komanwel memaksa PKM berundur ke selatan Thailand.

SC atau Special Constable sedang mengawal.

Tok Man dan kumpulannya pada masa itu berjaya menyekat kegiatan askar Bintan Tiga secara berkesan sehinggalah pihak British kembali menjajah Tanah Melayu. Kegagahan dan keberanian Tok Man telah diiktiraf oleh Ratu Queen Elizabeth iaitu 'George Medal' pada tahun 1952.

Tok Man juga dianugerahkan Pingat Sultan Ismail sempena dengan pertabalan DYMM Sultan Terengganu pada 21 Mac 1981 atas keberanian beliau menentang komunis dan jasanya yang besar dalam menuntut keamanan negara.

Kini, beliau menghabiskan sisa-sisa hidupnya dengan menumpukan sepenuh masa dengan beramal ibadat. Beliau menasihati kepada generasi muda supaya mempunyai semangat juang yang tinggi dalam mencapai pembangunan dan keamanan negara. Perpaduan adalah aset negara yang penting dalam mencapai kestabilan dan kedaulatan negara.

Satria Pembela Nusa

Meskipun namamu tidak dijulang
jasamu tidak dikenang
namun kau tak pernah gusar
dirimu tidak ditatang
kerana perjuanagnmu penuh kerelaan
pengorbananmu berpaksi keikhlasan
dalam menegakkan kedaulatan
di bumi warisan

Tapi percayalah
masanya kan tiba nanti
kehilanganmu akan dirasai
baktimu akan dikenang
sebagai satria pembela nusa
menjadi tugu di persada bangsa

Shamsudin Puteh
1 November 2011

PENUTUP

Melalui kisah yang diceritakan oleh beberapa warga emas itu, jelaslah bahawa komunis merupakan golongan yang tidak berperi kemanusiaan dan hanya mementingkan kuasa. Sebagai kelompok manusia yang tidak beragama dan tidak mempercayai kewujudan tuhan, lebih-lebih lagi Allah Yang Maha Berkuasa, anggota PKM menjadikan nafsu serakah sebagai panduan hidup mereka dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai cita-cita memerintah negara ini.

Bagi mereka, sesiapa saja yang tidak menganut fahaman komunisme tidak layak atau berhak untuk hidup di dunia dan boleh dizalimi dengan sepuas hati. Berlandaskan fahaman ini, mereka melihat orang tua, wanita dan anak kecil sebagai makhluk yang tidak wajar dikasihani dan boleh dijadikan barang gadaian dalam memburu cita-cita buruk mereka.

Oleh itu, sekiranya ada sesiapa yang menyanjung PKM dan anggotanya sebagai wira yang memperjuangkan kemerdekaan negara ini atau membela nasib rakyatnya, maka orang berkenaan adalah manusia yang buta sejarah. Bukan itu sahaja, dia juga boleh dianggap sebagai warganegara yang belot kepada perjuangan bangsa dan tidak patut diberi tempat untuk hidup di negara ini. Mereka bukan sahaja musuh negara, tetapi juga musuh rakyat serta patut ditentang dengan habis-habisan.

Sayangilah negara tercinta ini dan bersama kita mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan negara yang kita kecapi sehingga hari ini.